

PADA menjalankan fungsi dan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22(6)(c) Perlembagaan Universiti Putra Malaysia, Senat Universiti Putra Malaysia membentuk Dasar berikut:

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (E-PEMBELAJARAN) 2013

Universiti Putra Malaysia beriltizam untuk menyediakan suatu perkhidmatan e-Pembelajaran yang membolehkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran melalui gabungan kaedah konvensional dan pembelajaran dalam talian kepada pelajar dan guru Universiti dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh Universiti.

Bagi mencapai matlamat ini, Universiti beriltizam untuk:-

- (a) menggalakkan dan membudayakan e-Pembelajaran secara berterusan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran oleh guru dan pelajar;
- (b) menyediakan infrastruktur yang sesuai untuk menyokong pelaksanaan e-Pembelajaran dalam dan luar kampus; dan
- (c) memperkasakan e-Pembelajaran melalui peningkatan kualiti kandungan dalam memperkasakan e-Kandungan untuk pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh Universiti.

Sesuai dengan penggalakan, pembudayaan dan pemerkasaan e-Pembelajaran, guru, pelajar serta semua yang terlibat hendaklah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan e-Pembelajaran.

Dibentuk 2014
[UPM/PUU/100-1/1/5/E-PEMBELAJARAN]

*Pengerusi Senat
Universiti Putra Malaysia*

IN EXERCISE of the function and power conferred by Section 22(6)(c) of the Constitution of the Universiti Putra Malaysia, the Senate formulates the following Policy:

THE UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (E-LEARNING) POLICY 2013

Universiti Putra Malaysia is committed to provide a service of e-Learning which allows the implementation process of teaching and learning through combination of conventional methods and online learning for students and teachers of the University in order to improve the quality of teaching and learning as prescribed by the University.

To achieve this objective, the University is committed to:-

- (a) promote and cultivate e-Learning continuously in the implementation of teaching and learning by teachers and students;
- (b) provide appropriate infrastructure to support the implementation of e-Learning within and outside the campus; and
- (c) strengthen e-Learning by improving quality of the content through enhancement of e-Content for teaching and learning as prescribed by the University .

In line with the promotion, cultivation and augmentation of e-Learning, teachers, students and those involved shall be knowledgeable and skillful in the implementation of e-Learning.

Formulated 2014
[UPM/PUU/100-1/1/5/E-PEMBELAJARAN]

*Chairman of the Senate
Universiti Putra Malaysia*